

SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam untuk perintah tahanan reman.

SUAPAN PROJEK RM29 JUTA

*Pengurus operasi, bekas
pengurus kontrak syarikat
penghantaran direman*

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Pengurus operasi serta bekas pengurus bahagian kontrak sebuah syarikat penghantaran direman sehingga 15 Mac ini bagi membantu siasatan kes rasuah berjumlah RM29 juta.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim terhadap kedua-dua suspek berusia 54 tahun dan 47 tahun selepas Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Siti Zaharah Alias mengemukakan permohonan itu di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, semalam.

Menurut sumber, kedua-duanya ditahan di Ibu Pejabat SPRM jam 4.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan bagi membantu siasatan.

“Kedua-duanya disyaki terima rasuah daripada syarikat penghantaran antara 2019 hingga 2021.

“Ia sebagai balasan membantu mendapatkan kerja penyediaan perkhidmatan pengangkutan syarikat terbabit. Ia membatikan jumlah projek RM29 juta,” katanya.

Menurut sumber, kegiatan itu dipercayai dilakukan bersama seorang lagi individu berusia 43 tahun yang direman SPRM sejak 8 Mac lalu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

